



UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG
AL-SULTAN ABDULLAH

**PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR
(HAL EHWAL AKADEMIK DAN ANTARABANGSA)**

PENGUMUMAN RASMI

BILANGAN 6 TAHUN 2024

**PEMAKLUMAN PELAKSANAAN AKTIVITI AKADEMIK
PADA 17 SEPTEMBER 2024 (SELASA)
DI UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH**

Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera

Kepada semua Staf dan Pelajar UMPSA,

2. Berdasarkan Kalendar Sesi Akademik 2024/2025 yang dikeluarkan oleh pihak Universiti telah dimaklumkan terdapat cuti gantian yang ditetapkan pada Selasa, 17 September 2024 bersempena Hari Keputeraan Nabi Muhammad s.a.w (Maulidur Rasul) dan Hari Malaysia yang masing-masing jatuh pada hari Isnin, 16 September 2024.

3. Merujuk kepada pemakluman yang dikeluarkan oleh Bahagian Kabinet Perlembagaan dan Perhubungan Antara Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri yang memaklumkan bahawa **tiada cuti gantian secara automatik akan diberikan pada hari bekerja berikutnya iaitu Selasa, 17 September 2024** memandangkan Akta Hari Kelepasan 1951 [Akta 369] tidak memperuntukkan cuti gantian secara automatik bagi hari-hari kelepasan am yang bertindih atau jatuh pada hari bekerja yang sama.

4. Sehubungan itu, pihak Pengurusan Universiti ingin memaklumkan kepada staf dan pelajar UMPSA bahawa **tiada cuti gantian akan diperuntukan pada Selasa, 17 September 2024 di UMPSA** selaras dengan pemakluman yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan. Justeru, segala aktiviti yang berkaitan dengan akademik dan Pengajaran & Pembelajaran (PdP) **berjalan seperti biasa**. Walau bagaimanapun, pihak Pengurusan Universiti bersetuju agar pelaksanaan Pengajaran & Pembelajaran (PdP) **pada Selasa, 17 September 2024** dijalankan **secara dalam talian** bagi memudahkan urusan pelajar pada tarikh tersebut.

5. Segala perhatian dan kerjasama yang diberikan oleh semua staf dan pelajar dalam mengambil maklum berkaitan perkara ini sangat dihargai.

Sekian, terima kasih

**Dikeluarkan oleh
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwil Akademik dan Antarabangsa)
11 September 2024**